
**MATERIAL
INTELLIGENCE**

**DANCE
IN THE
DESTRUCTION
DANCE*****Tarian dalam Tarian Kemusnahan***

“Pengalaman kita di dunia adalah tafsiran deria kita dan unjuran fikiran kita.”


Joo Choon Lin

Bagi artis Joo Choon Lin, gabungan deria – penglihatan, bunyi, pendengaran dan sentuhan – perlu untuk melengkapkan pengalaman kita di dunia fizikal. Instalasi persembahan artis yang mengasyikkan ini mencabar resam persepsi manusia: dunia di sekitar kita digambarkan sebagai aktiviti, peristiwa, dan pergerakan.

Tarian dalam Tarian Kemusnahan ialah sebuah persekitaran atmosfera yang direka bentuk oleh Joo. Ia sebuah instalasi ruang persembahan dan seni yang menampilkan beberapa karya seni: *Lekatkan Kelopak Mata Kamu* (2017/2023), *Saya Hanya Berkawan Dengan Wang* (2012/2023) dan *Wangian Bahagia* (2020/2023). Persekitaran pelbagai deria yang dibina oleh Joo juga merupakan wahana untuk menyampaikan cerita, menarik perhatian bagaimana bahan industri seperti plastik, kayu dan logam terus mengubah bentuk, penampilan dan maknanya dalam dunia kontemporari kita.

Instalasi ini menghimpunkan arca objek, video dan persembahan secara eksperimental untuk meneroka perbezaan antara hakikat dan penampilan; yang pertama ialah apa yang diketahui, sementara yang terakhir ialah apa yang dapat dirasai. Karya-karya seni ini akan diaktifkan melalui persembahan teater dalam dua bahagian yang berjudul *pEARs ‘ --- --- --- ‘ dalam Spring* (2018/2023) (*pEARs ‘ --- --- --- ‘ in Spring*). Semasa persembahan ini, ruang galeri akan beralih di antara set panggung dan instalasi, yang mana elemen-elemen akan diubah dan disesuaikan untuk pelbagai fungsi. Ditulis oleh artisnya sendiri, persembahan ini menyoroti penghijrahan bentuk dan membina naratif pameran. Joo didorong oleh rasa ingin tahu: bagaimanakah kita dapat memperluas ambang kesedaran kita melalui objek harian dan teknologi kontemporari?

Joo Choon Lin (b.1984) seorang seniman visual dan penyair yang berpusat di Singapura. Beliau meneroka hubungan antara kesedaran dan teknologi perwakilan. Pameran ini ialah sebahagian daripada siri pameran *Kecerdasan Materi SAM* yang menyelidik bagaimana para seniman hari ini menghubungkan cara dan gaya pengkaryaan yang berkaitan dengan seni dan industri dengan spekulasi mengenai masa depan ekologi dan teknologi kita.



Lekatkan Kelopak Mata Kamu

2017/2023

Arca yang terbentuk daripada beton, rantai keluli bergalvani, span dan kayu dengan kemasan tekstur simen, bingkai keluli, video saluran tunggal (lebih kurang 4:40 min)

Objek-objek ① dan ②

Dalam *Lekatkan Kelopak Mata Kamu*, Joo telah membina sebuah arca “berasaskan masa” yang berubah bentuk dari masa ke masa. Komponen pusat arca ini ditambat pada bingkai keluli dan menampilkan dua set “bidur batu” yang diperbuat daripada kayu bertekstur simen di bahagian atas dan busa di bahagian bawah. Keempat-empat bidur batu itu dipautkan bersama oleh beton yang telah dipam dan rantai keluli bergalvani yang dikatakan melambangkan sistem saraf manusia. Apabila beton mengempis dari masa ke masa, bidur-bidur batu di bahagian bawah akan turun ke tanah secara beransur-ansur dek keberatannya. Transformasi arca secara progresif ini memberi gambaran mengenai kitaran hidup bahan industri yang menjadi landasan pengalaman seharian kita, yang mana apa yang dianggap “kehidupan” dan “kematian” hanya menjadi nyata jika kita mempercayainya.

Satu lelaran *Lekatkan Kelopak Mata Kamu* yang berbeza telah dipersembahkan di pameran *Keadaan Pergerakan 2017: Melalui Mata Orang Asing (2017) (State of Motion 2017: Through Stranger Eyes (2017))*, dianjurkan oleh Arkib Filem Asia.

pEARs '--- ---' dalam Spring

2023, berserta dokumentasi video persembahan yang berlangsung pada 13 Januari 2023

Instalasi terdiri daripada tiga arca objek terbentuk daripada bahan industri dan perkakas pemasangan, dua bejana aluminium di atas ketapak yang direka khas, arca akrilik pada sistem takal, arca akrilik pada sistem takal, filem transparensi yang dicetak, dua video saluran tunggal (anggaran. 2:00 min 22:00 min)

Objek-objek ③ ④ ⑤ ⑥ ⑦ ⑧ ⑨ dan ⑪

pEARs '--- ---' dalam Spring ialah instalasi arca-arca autonomi yang disebut oleh artisnya sebagai “objek-objek filem” dan arca-arca bejana. Objek-objek filem ini diperbuat daripada bahan-bahan industri seperti selak, engsel, kaki yang boleh dilipat dan lereng-lereng, dan ditujukan sebagai sesuatu yang interaktif. Objek-objek ini juga boleh disusun kembali dan dipindah-pindah dalam ruang itu, menekankan bagaimana segala makna dihasilkan melalui kebergantungan dan pembaharuan yang berterusan. Bersebelahan objek-objek filem ini terdapat arca-arca bejana yang lebih kecil dan mirip alatan yang dibuat daripada bahan yang serupa. Segala arca telah diaktifkan melalui persembahan teater yang dipentaskan oleh artis pada hari pembukaan pameran pada 13 Januari 2023.

Ditulis oleh Joo, persembahan tersebut menggunakan bahasa lisan dan pelakon secara langsung untuk mengujarkan bagaimana karya seni ialah makhluk dinamik yang terus melahirkan makna baharu dari masa ke masa. Cebisan persembahan tersebut terkandung dalam unjuran video. Rakaman itu dibuat menggunakan kamera aksi langsung, gambar jarak yang dekat menunjukkan klip-klip pengaktifan dan animasi gerak berhenti objek filem tersebut – membentuk suatu arkib pengalaman berkenaan hayat karya itu di Muzium Seni Singapura.

Persembahan teater kedua akan berlangsung pada 25 Mac 2023, 6-7 malam. Lelaran persembahan teater dan instalasi ini yang berbeza telah dipentaskan di Galeri dan Studio FOGSTAND di Amerika Syarikat pada tahun 2018.

Wangian Bahagia

2023

Instalasi terdiri daripada terpal lipat, kepingan busa, video (anggaran. 22:00 min)

Objek-objek ⑩ dan ⑪

Adakah semua yang kita alami hanyalah tafsiran yang disampaikan oleh semua pancaindera kita? *Wangian Bahagia* ialah rangkaian arca terpal yang meneroka kespontanan bentuk. Joo melipat dan membuka lembaran terpal tanpa henti, menjadikan pelbagai bentuk dan konfigurasi dua dimensi dengan urutan lipatan disusun menurut serangkaian gerak isyarat yang diimprovisasi. Bertindih pada setiap bahagian terpal ialah eksperimen artis dengan kesan-kesan objek pada bahan kental dan lekit sintetik. Setiap imej ini merakam kejadian tunggal yang dapat menghasilkan variasi yang tiada hadnya.

Beberapa lelaran karya ini yang berbeza telah dipamerkan di The Substation dan seterusnya di Tzu Chi Humanistic Youth Centre, Singapura pada tahun 2020. Ia telah disesuaikan khas untuk pameran ini.

Saya Hanya Berkawan Dengan Wang

2023

Bahan kental dan lekit sintetik, kayu dengan kemasan konkrit, duit syiling

Objek ⑫

Seiring dengan perkembangan teknologi kontemporari, begitu juga pemahaman kita tentang penampilan dan realiti. *Saya Hanya Berkawan Dengan Wang* ialah sebuah arca interaktif yang melibatkan pengunjung dijemput untuk melempar duit syiling ke dalam perigi sebelum memerhatikan bagaimana mata wang itu ditelan oleh bahan berlendir itu. Amalan melempar duit syiling ke dalam perigi atau air pancut ialah suatu amalan tradisional yang berkaitan dengan membuat hajat, iaitu wang ditelan dan lebur beransur-ansur seiring dengan perjalanan waktu. Yang tinggal hanyalah kenangan tentang hajat itu dan keinginan untuk melihatnya terkabul. Karya ini menandakan percubaan terawal Joo dalam penggunaan sifat semula jadi bahan-bahan sebagai wahana untuk meneroka kaitan mendalam antara metamorfosis bentuk dengan jiwa manusia.

Sebuah versi karya ini telah dipamerkan buat pertama kali di Singapore Biennale 2013, dan kemudian di Banff Center for Arts and Creativity di Alberta, Kanada pada tahun 2014.

Pengunjung digalakkan melempar duit syiling ke dalam bahan kental dan lekit sintetik.

Duit syiling yang dikumpulkan melalui karya ini akan diberikan kepada badan amal pilihan artis.